

09 MAR 1997

MSC:TAKLIMAT KHAS KEPADA EDITOR KANAN MEDIA

LANGKAWI, 9 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyampaikan taklimat khas mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) kepada para editor kanan media tempatan, di sini.

Taklimat tertutup itu berlangsung di Radisson Tanjung Rhu selama 90 minit.

Antara editor yang hadir ialah Pemangku Ketua Pengarang Bernama Syed Jamil Jaafar, Penolong Editor Kumpulan New Straits Times Ahmad Talib, Ketua Pengarang The Sun Ahmad Rejal Arbee dan Pengarah Urusan Sistem Televisyen Malaysia (TV3) Zahari Omar.

Taklimat khas itu diadakan selepas Dr Mahathir mempengerusikan mesyuarat kedua Jawatankuasa Pelaksana MSC di tempat yang sama.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie adalah antara menteri kabinet yang menghadiri mesyuarat itu. -- BERNAMA

TEAM NAK